

KOD ETIKA PROFESIONAL PERANCANG BANDAR

DISEMBER 2023

*Diluluskan dalam Mesyuarat LPBM Bil.3/2023
yang bersidang pada 15 Disember 2023.*

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN

2.0 TAFSIRAN

3.0 PERUNTUKAN AM

4.0 PRINSIP PROFESIONAL PERANCANG BANDAR

5.0 PERATURAN ATAU KAEDAH BERKAITAN

6.0 PERATURAN TAMBAHAN

7.0 TINDAKAN TATATERTIB

8.0 RUJUKAN

1.0 PENGENALAN

Kod ini merangkumi Etika Profesional yang perlu dipatuhi oleh Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).

Etika Profesional merupakan peraturan atau garis panduan yang digunakan bagi meningkatkan tahap kompetensi, produktiviti, kecekapan, disiplin, nilai dan tingkah laku profesion.

Kod ini digubal berpandukan kepada prinsip, nilai dan etika kerja perancangan bandar yang selaras dengan peraturan, pekeliling, arahan sedia ada yang telah ditetapkan oleh LPBM. Kod ini juga memastikan Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar mempunyai integriti yang tinggi semasa memberi perkhidmatan profesional perancangan bandar dan memastikan martabat profesion sentiasa dijaga dan dihormati.

Dalam mematuhi kod etika profesional ini, Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah juga mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Komitmen kepada prinsip pembangunan mampan dan keputusan perancangan yang baik berdasarkan fakta dan bukti;
2. Pengurusan yang efisien terhadap sumber semula jadi;
3. Tadbir urus yang berkesan dan adil; dan
4. Persekitaran kerja yang sihat, menyenangkan dan selamat.

Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar LPBM secara amnya perlu mematuhi prinsip profesional sebagai Perancang Bandar seperti yang berikut:

1. Integriti
2. Cekap dan Kualiti
3. Tatakelakuan Profesional

2.0 TAFSIRAN

2.1 Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538]

ertinya suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Perancang Bandar dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

2.2 Anggota LPBM

ertinya anggota Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] dan termasuklah Pengerusi Lembaga.

2.3 Perancang Bandar Siswazah berdaftar

ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(1) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].

2.4 Perancang Bandar berdaftar

ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].

2.5 Klien

ertinya seseorang yang mendapatkan perkhidmatan atau nasihat profesional dari pihak lain.

2.6 Pertubuhan Perbadanan

ertinya pemilik tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2006 [Akta 777] yang telah

dikeluarkan kepadanya permit untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

2.7 Mata Kredit CPD

ertinya Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development - CPD) yang dikelolakan dan diluluskan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia.

2.8 Surat Pelepasan

ertinya kebenaran untuk meneruskan suatu perkhidmatan profesional.

2.9 Jawatankuasa Penyiasatan

ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen 31(a) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].

2.10 Jawatankuasa Tatatertib

ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen 31(b) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].

3.0 PERUNTUKAN AM

- 3.1 Kod Etika Profesional ini terpakai kepada semua Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar LPBM.
- 3.2 Adalah kewajipan setiap Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar untuk memaklumkan kepada LPBM jika Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar telah dikenakan sekatan undang-undang atau mahkamah atau mengetahui bahawa terdapat mana-mana Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar lain yang melanggar kod etika ini dan membantu LPBM dalam penyiasatannya.
- 3.3 Adalah menjadi kewajipan setiap Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar yang sedang di dalam siasatan untuk memberi kerjasama kepada LPBM dalam penyiasatannya.
- 3.4 Tindakan tatatertib akan diambil apabila LPBM mendapati bahawa Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar LPBM tersebut bertanggungjawab penuh ke atas sebarang kelakuan yang melanggar kod etika ini.

4.0 PRINSIP PROFESIONAL PERANCANG BANDAR

1.1 Integriti

1. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah sentiasa cekap, profesional dan sentiasa mengambil keputusan yang wajar dan munasabah.
2. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah bertindak secara jujur dan berintegriti di dalam perkhidmatan profesional perancangan bandar yang dijalankan.
3. Perancang Bandar berdaftar yang juga seorang majikan atau pengurus organisasi, perlu bertanggungjawab dalam memastikan Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar yang lain di dalam organisasi tersebut mempunyai integriti yang tinggi.
4. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah kompeten dalam memberi perkhidmatan profesional perancangan bandar semasa mereka bekerja atau ditugaskan oleh klien atau majikan.
5. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah memastikan tiada percanggahan atau konflik kepentingan di dalam tugas profesional yang mempunyai kepentingan peribadi, politik dan kewangan.
6. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah memaklumkan kepada majikan atau klien mereka jika terdapat sebarang potensi konflik kepentingan.
7. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah berhati-hati dan mengambil langkah berjaga-jaga agar tiada konflik kepentingan yang timbul melibatkan tanggungjawab di antara seorang majikan, klien, rakan kongsi dengan kepentingan yang lain.
8. Semasa menjalankan tugas, Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar tidak boleh mendedahkan atau

menggunakan maklumat majikan atau klien yang diperolehi semasa menjalankan perkhidmatan profesional untuk kepentingan diri sendiri.

9. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar tidak boleh menawarkan atau menerima hadiah dari segi wang atau sebaliknya, untuk mempengaruhi keputusan atau pandangan profesional berhubung dengan hal-hal perancangan bandar.
10. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah memaklumkan kepada majikan atau klien berkenaan tawaran berbentuk wang tunai, diskaun, hadiah atau komisen yang diterima daripada mana-mana pihak ketiga untuk tindakan selanjutnya.

1.2 Cekap dan Kualiti

1. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan oleh majikan, klien atau lain-lain dengan teliti dan bersungguh-sungguh.
2. Perancang Bandar berdaftar hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan perkhidmatan profesional perancangan bandar yang berkualiti tinggi terutamanya dalam penyediaan dokumen, laporan cadangan pemajuan (LCP), pelan dan lain-lain yang berkaitan.
3. Perancang Bandar berdaftar yang juga seorang majikan atau pengurus organisasi, perlu bertanggungjawab dalam memastikan kompetensi Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar yang lain di dalam organisasi tersebut.
4. Sebelum memulakan sebarang perkhidmatan profesional perancangan bandar, Perancang Bandar berdaftar hendaklah:
 - i. Memastikan perjanjian bertulis dengan pihak klien mengenai fi perkhidmatan mengikut Skala Fi Minimum Perancang Bandar (SoF) yang telah diluluskan oleh LPBM, terma dan syarat penglibatan dan skop perkhidmatan profesional.

- ii. Berpuas hati atas perjanjian bertulis antara Perancang Bandar berdaftar dan klien.
5. Perancang Bandar berdaftar hendaklah mematuhi syarat yang telah ditandatangani di dalam perjanjian bertulis.
6. Sekiranya terdapat tambahan fi minimum Perancang Bandar atas sebab-sebab yang tertentu, Perancang Bandar berdaftar perlu memaklumkan kepada klien secara bertulis sebelum menjalankan kerja-kerja tambahan tersebut.
7. Sebagai seorang majikan atau pengurus di sesebuah organisasi, perlu memastikan tugas dan tanggungjawab Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar adalah merujuk kepada kod etika ini.

1.3 Tatakelakuan Profesional

1. Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan tuturkata agar tidak menimbulkan prejudis kepada profesion Perancang Bandar atau menjejaskan reputasi LPBM.
2. LPBM yang menjalankan tanggungjawab di bawah Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar yang:
 - i. pada pendapat Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib melanggar mana-mana peruntukan kod etika profesional;
 - ii. disabitkan oleh mahkamah atas kesalahan jenayah yang pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib mengakibatkan pelanggaran peruntukan undang-undang di bawah Akta 538; dan
 - iii. pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib adalah bersalah atas salah laku profesional atau tatakelakuan yang tidak kompeten yang membolehkan mana-mana perintah mengikut seksyen 33, Akta 538.

5.0 KAEDAH DAN PERATURAN YANG BERKAITAN

LPBM telah menyediakan Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perancangan Bandar, Skala Fi Minimum Perancang Bandar, Peraturan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan & Perakuan Praktis (CoP), Prosedur Operasi Standard (SOP) Jawatankuasa Penyiasatan LPBM & Jawatankuasa Tatatertib LPBM dan Tatacara Prosedur mengenai Surat Pelepasan LPBM.

6.0 PERATURAN TAMBAHAN

Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar hendaklah mematuhi beberapa perkara yang digariskan iaitu:

6.1 Pematuhan Mata Kredit CPD

1. Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development - CPD*) ialah proses pembelajaran sepanjang hayat bagi mengekalkan atau meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Perancang Bandar Siswazah dan Perancang Bandar berdaftar untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran profesional teknikal mereka dapat memberi perkhidmatan yang relevan mengikut keperluan masyarakat.
2. Keperluan mata kredit CPD untuk pembaharuan:
 - i. semua Perancang Bandar berdaftar hendaklah melengkapkan mata kredit CPD setahun seperti yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia; dan
 - ii. semua Perancang Bandar Siswazah berdaftar hendaklah melengkapkan mata kredit CPD dalam tempoh tiga (3) tahun seperti yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia.
3. Pematuhan mata kredit minimum yang diperlukan akan membolehkan Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar masing-masing layak untuk memperbaharui

pendaftaran atau memohon kemasukan semula dalam masa lima (5) tahun dari penyingkiran daftar.

4. LPBM tidak akan meluluskan permohonan untuk pembaharuan pendaftaran atau kemasukan semula jika pemohon tidak mematuhi keperluan CPD.

6.2 Pengiklanan

1. Berkenaan iklan perkhidmatan profesional perancangan bandar, seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar:
 - i. Tidak dibenarkan mengiklan perkhidmatan profesional yang mengandungi nama pertubuhan perbadanan atau cawangan melalui iklan berbayar di dalam akhbar atau media massa melainkan iklan tersebut telah diluluskan oleh LPBM.
 - ii. Tidak dibenarkan untuk menerbitkan atau memberi persetujuan untuk menerbitkan ilustrasi, artikel, atau sebarang media berkenaan skim perancangan yang dipertanggungjawabkan kepadanya melainkan bahan media projek tersebut adalah sah dari segi fakta, relevan dan tidak mengelirukan.
 - iii. Perancang Bandar berdaftar dibenarkan untuk menggunakan kad bisnes yang mengandungi nama perancang bandar berdaftar, kelayakan profesional, nombor pendaftaran, gambar, amalan praktis, alamat dan nombor telefon pejabat, nombor faksimili pejabat dan e-mel.
 - iv. Perancang Bandar berdaftar dibenarkan untuk membangunkan laman web atau menghasilkan brosur atau material lain yang memperincikan dan menerangkan berkenaan pertubuhan perbadanannya dan perkhidmatan profesional yang ditawarkan.

6.3 Surat Pelepasan

1. Kebenaran untuk meneruskan suatu perkhidmatan profesional yang diketahui atau boleh membuat pertanyaan munasabah bahawa seorang Perancang Bandar berdaftar lain telah pun diguna khidmat

oleh pemilik projek bagi tapak berkenaan atau sebahagiannya untuk memberi perkhidmatan asas sepenuhnya atau sebahagiannya.

2. Sebelum meneruskan kerja tersebut, Perancang Bandar berdaftar yang baharu hendaklah mendapatkan surat pelepasan daripada Perancang Bandar berdaftar sebelumnya.
3. Perancang Bandar berdaftar hendaklah merujuk Tatacara Prosedur mengenai Surat Pelepasan LPBM.

7.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 7.1 Seseorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar didapati melanggar mana-mana peruntukan Kod Etika Profesional Perancang Bandar ini, maka sesuatu aduan secara bertulis beserta fakta dan bukti terhadap Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar tersebut boleh dirujuk kepada LPBM.
- 7.2 Jawatankuasa Penyiasatan akan menyiasat sesuatu aduan yang dibuat terhadap seseorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar.
- 7.3 Jika Jawatankuasa Penyiasatan mendapati terdapat *prima facie*, maka aduan tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.
- 7.4 Selaras dengan subseksyen 33 Akta 538, Jawatankuasa Tatatertib boleh memerintahkan mana-mana satu atau mana-mana kombinasi dua atau lebih yang berikut:
 - i. pengeluaran suatu celaan bertulis;
 - ii. pengenaan denda yang melebihi lima ribu ringgit;
 - iii. penggantungan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun;
 - iv. pembatalan pendaftaran.

8.0 SENARAI RUJUKAN

- 8.1 Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538].
- 8.2 Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perancangan Bandar.
- 8.3 Skala Fi Minimum Perancang Bandar.
- 8.4 Peraturan Pendaftaran Pertubuhan Perbadanan & Perakuan Praktis (CoP).
- 8.5 Prosedur Operasi Standard (SOP) Jawatankuasa Penyiasatan LPBM & Jawatankuasa Tatatertib LPBM.
- 8.6 Tatacara Prosedur mengenai Surat Pelepasan LPBM.